

41 rumah dilanda air pasang

BESUT 12 Dis. - Seramai 196 orang daripada 41 keluarga di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pengkalan Atap, Kuala Besut dekat sini cemas apabila rumah mereka dilimpahi air laut ekoran air pasang besar malam tadi.

Ombak besar setinggi empat meter itu melanda kira-kira pukul 9 malam menyebabkan penduduk dipindahkan ke pusat penempatan banjir di Balai Raya Pengkalan Atap, kira-kira 500 meter dari kawasan berkenaan.

Kejadian itu turut menyebabkan rumah penduduk dipenuhi pasir dan lumpur yang dibawa air laut melepasi benteng di kawasan penempatan tersebut.

Difahamkan, dua bahagian benteng setinggi tiga meter itu pecah sepanjang hampir 20 meter manakala satu bahagian lagi pecah sepanjang dua meter ekoran dihempas ombak besar itu.

Rata-rata penduduk terpaksa meninggalkan rumah dalam keadaan sehelai sepinggang dan hanya sempat menyelamatkan dokumen penting ekoran air memasuki rumah mereka dengan begitu cepat.

Seorang penduduk, Mek Ya @ Saunah Ali, 61, berkata, kira-kira sejam sebelum kejadian, dia mendengar bunyi ombak kuat menghempas pantai iaitu berbeza daripada hari biasa.

"Perasan saya agak berdebar kerana ombak itu seakan-akan mahu melanda rumah dan tekaan saya benar apabila seorang anak jiran memaklumkan ombak besar menyebabkan benteng yang dibina pecah.

"Bimbang ombak itu akan menghancurkan rumah, saya terus keluar dan hanya sempat mengambil dokumen penting sahaja," katanya ketika ditemui hari ini.

Sementara itu Salleh Mat Yeh, 54, berkata, dia menyedari ombak kuat melanda sejak pukul 7 petang, namun tidak sangka benteng yang dibina pecah menyebabkan air laut masuk ke kawasan rumah mereka.

Jelasnya, dia bersama isteri dan empat anak terpaksa keluar dari rumah untuk mengelak kejadian tidak diingini setelah rumahnya digenangi air laut setinggi kira-kira 0.3 meter.

"Sebelum kejadian saya menonton televisyen dan kira-kira pukul 8 malam air yang mengalir deras mula memasuki rumah dengan begitu cepat.

"Ini kali pertama ia menimpa kami sejak lima tahun tinggal di penempatan ini. Sebelum ini walaupun ombak besar tetapi tidak menyebabkan benteng berkenaan pecah," jelasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut, Dr. A. Rahman Mokhtar yang melawat tempat kejadian berkata, ombak kembali reda kira-kira pukul 1 pagi ini tetapi kebanyakan penduduk tidak mahu pulang kerana bimbang kejadian tersebut akan berulang.

Katanya, kesemua mangsa kini selamat dan dibantu oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang membekalkan selimut dan makanan.

"Kawasan ini memang sering dilanda air pasang, namun keadaan semalam agak mencemaskan. Namun kita bersyukur kerana tiada laporan kehilangan nyawa berlaku dan kita harap penduduk di kawasan berdekatan lebih berhati-hati dan sentiasa mendapatkan maklumat terkini tentang kejadian air pasang besar ini," katanya.